



Ruj. Kami : JPNJ.600-3/2/17 JLD.21 (34)

Tarikh : 5 Mei 2025

Ts. Izwan Hadi bin Zamhuri
Ketua Pegawai Operasi,
Elvira Systems Sdn. Bhd.,
2-2A, Blok A, Jalan GC1
63200 Cyberjaya,
Selangor

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PELIBATAN MURID BAGI PROGRAM MICRO:BIT INNOVATION AND ROBOTIC COMPETITION 2025 (mIRC2025)

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada pihak tuan yang diterima bertarikh 24 April 2025 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) telah menerima dan meneliti permohonan pelaksanaan program di atas daripada pihak tuan. Pihak JPNJ mengalu-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negeri Johor.

3. Sehubungan dengan itu, pihak JPNJ mengambil maklum akan permohonan tuan serta **tiada halangan** bagi penganjuran dan penglibatan guru dan murid dalam program **Micro:Bit Innovation And Robotic Competition 2025 (mIRC2025)** pada **1 Mei hingga 30 November** sahaja.

4. Untuk makluman tuan, surat maklum balas ini perlu dibaca bersama Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/1995, Bil.7/1988, Bil.8/2009, Bil.5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010 serta mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan *Standard Operating Procedure* yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:

- 4.1 pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada PPD dan sekolah sasaran/ yang berkenaan;
- 4.2 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis dari ibu bapa/ penjaga;

- 4.3 pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapat kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 4.4 surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapat sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 4.5 penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)/ Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)/ program/ aktiviti sekolah;
- 4.6 pihak penganjur perlu mengemukakan **deraf poster/ gegantung/ hebahan digital/ sijil** untuk semakan Unit Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Johor;
- 4.7 pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 4.8 pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;
- 4.9 sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 4.10 pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar;
- 4.11 selaras dengan pelaksanaan Pendidikan Sivik yang sedang berkuatkuasa di semua sekolah rendah dan menengah di bawah KPM, pihak penganjur dimohon agar memastikan kesedaran sivik dan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum/ semasa/ selepas program berlangsung;
- 4.12 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah serta sekolah yang terlibat;
- 4.13 penggunaan logo JPN Johor tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo JPN Johor berserta dokumen lengkap kepada **Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Johor selepas mendapatkan maklum balas/ surat sokongan permohonan penganjuran program ini;**

- 4.14 pihak penganjur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum/semasa/selepas program berlangsung bagi mendokong elemen tadbir urus insan (*Human Governance*) dalam kalangan murid sekolah di bawah KPM (*seperti pemupukan integriti, bersikap jujur, amanah, hormat antara satu sama lain, sifat jati diri terpuji, beretika, bertimbang rasa, adab yang baik dan lain-lain*);
- 4.15 bagi tujuan pengiktirafan program, pihak penganjur perlu mengemukakan **satu salinan laporan program (Lampiran A)** yang dijalankan kepada **Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, JPN Johor tidak lebih 30 hari selepas tamat program**; dan
- 4.16 JPNJ berhak menarik balik surat kelulusan/ kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberi kesan kepada permohonan pada masa akan datang.
5. Maklum balas penganjuran program ini **hanya** untuk program **Micro:Bit Innovation And Robotic Competition 2025 (mIRC2025)** pada **1 Mei hingga 30 November** sahaja. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, JPN Johor.
6. Pihak tuan adalah dimohon untuk mengemukakan Surat Setuju Terima (rujuk Lampiran B) kepada pihak JPNJ dalam masa dua (2) minggu selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak tuan boleh berhubung dengan **Encik Mohd Faizal bin Sabtu**, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, JPN Johor di talian **07-2311493** atau menerusi e-mel **faizal.sabtu@moe.gov.my**

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI MOHD KAMAL BIN AHMAD UNTONG)

Sektor Pembangunan Murid

b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Johor

Jabatan Pendidikan Negeri Johor

s.k. : 1. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Johor

LAPORAN
(NAMA AKTIVITI)

1.0 Nama Program/Aktiviti

2.0 Tarikh Pelaksanaan

3.0 Mod Pelaksanaan

4.0 Penyertaan (Jantina/Bangsa) (Boleh dilampirkan)

BIL	SEKOLAH	PPD	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
			L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LL	MURID	GURU
1										
2										
JUMLAH										

5.0 Rumusan Penyertaan

BIL	NAMA PPD	JUMLAH PENYERTAAN	% PENYERTAAN
1			
2			

6.0 Penyertaan & Pencapaian Individu Murid (Boleh dilampirkan)

BIL	NAMA MURID	SEKOLAH	PPD	NO. K/P	KATEGORI (Jika Ada)	PENCAPAIAN (Jika Ada)
1						
2						

7.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti

8.0 Peruntukan/Perbelanjaan Yang Diturunkan (*Jika Berkaitan)

9.0 Tetamu Kehormat (VIP) (*Jika Berkaitan)

10.0 Pemenang (*Jika Berkaitan)

11.0 Isu dan Cabaran

12.0 Cadangan Penambahbaikan

13.0 Gambar

Disediakan oleh:

Tarikh:

CONTOH SURAT SETUJU TERIMA

Rujukan Tuan.:

Rujukan Kami:

Tarikh:

Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Johor
 Jalan Tun Abdul Razak,
 80604 Johor Bahru,
 Johor.
 (U/P: Unit Pembangunan Bakat Murid)

Tuan,

**SURAT SETUJU TERIMA KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM DAN
 PENGLIBATAN MURID DALAM _____**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) bernombor rujukan: _____ bertarikh _____ adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pihak (nama agensi penganjur) _____ mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan/menaja program yang dimohon berdasarkan terma dan syarat pelaksanaan/tajaan program/ aktiviti kokurikulum seperti yang dinyatakan pada para 4.1 hingga 4.16 dalam surat Maklum Balas Penganjuran Program dan Penglibatan Murid dalam (nama program) _____ mulai _____ hingga _____.

3. Pihak (nama agensi penganjur) _____ akan mengemukakan satu salinan laporan program yang dijalankan kepada JPNJ tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program bagi tujuan pengiktirafan program.

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi (nama pegawai) _____ di talian (no.telefon bimbit) _____ atau e-mel _____ . Perhatian dan kerjasama pihak tuan dalam perkara ini adalah amat dihargai

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


Saya yang menjalankan amanah,

.....

(Nama)

Jawatan

CARTA ALIR PERMOHONAN PROGRAM PERINGKAT NEGERI



BILANGAN PENYERTAAN BAGI PENGIKTIRAFAN PROGRAM PERINGKAT DAERAH, NEGERI, KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

BIL	PERINGKAT	PENYERTAAN	PERATUS PENYERTAAN (MURID)
1	Antarabangsa	Sekurang-kurangnya 3 negara termasuk Malaysia	Sekurang-kurangnya 25% penyertaan selain Malaysia
2	Kebangsaan	Sekurang-kurangnya 3 negeri termasuk negeri penganjur	Sekurang-kurangnya 25% penyertaan selain negeri penganjur
3	Negeri	Sekurang-kurangnya 4 daerah termasuk daerah penganjur	Sekurang-kurangnya 25% penyertaan selain daerah penganjur
4	Daerah	Sekurang-kurangnya 5 sekolah termasuk sekolah penganjur	Sekurang-kurangnya 25% penyertaan selain sekolah penganjur

PAUTAN SURAT PEKELILING IKHTISAS DAN GARIS PANDUAN YANG BERKAITAN (PERKARA 4)



Rujukan kami : 22042025/mIRC2025/KEB(2)
Tarikh : 22hb April 2025

Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri
(U:P : Sektor Pembangunan Murid: Pembangunan Bakat Murid (KOKURIKULUM))

Ybhg. Dato'/Dr/Dato'/Dr/Tuan/Puan/Puan,

**MEMOHON KEBENARAN PENGLIBATAN MURID DAN HEBAHAN MICRO:BIT
INNOVATION AND ROBOTIC COMPETITION 2025 (mIRC2025)**

Merujuk kepada perkara yang dinyatakan di atas, kami ingin memohon daripada pihak Dato'/Dr/Tuan/Puan untuk kebenaran penglibatan murid dan hebahan bagi pertandingan **MICRO:BIT INNOVATION AND ROBOTIC COMPETITION 2025 (mIRC2025)** kepada **sekolah rendah dan sekolah menengah** di bawah Jabatan Pendidikan Negeri. Untuk makluman pihak Dato'/Dr/Tuan/Puan, program ini telah mendapat kelulusan daripada **Bahagian Sukan, KoKurikulm dan kesenian No rujukan: KPM.600-12/1/4 Jld.63(27)** bertarikh **24 Mac 2025**

2. Program ini merupakan anjuran **Elvira Systems Sdn Bhd, Universiti Kebangsaan Malaysia dan SK Sungai Kantan dengan disokong oleh Malaysia Digital Economy Malaysia (MDEC)**. Objektif program ini adalah untuk mendedahkan murid-murid kepada pengaturcaraan berasaskan micro:bit melalui projek inovasi bagi menyelesaikan masalah global di bawah UN Sustainable Development Goal (SDG) dan juga melalui platfom robotik **ISOBOT**

3. **Yuran pertandingan adalah percuma** kepada semua murid-murid yang ingin menyertai pertandingan ini. Tempoh pertandingan ini ialah daripada **1 Mei 2025 hingga 30 November 2025** dan akan **dilaksanakan secara dalam talian dan bersemuka**. Sekolah yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut dan mendaftar di laman sesawang:

<https://mirc2025.webnode.page>

4. Kami sertakan surat kebenaran daripada pihak BSKK, KPM dan kertas kerja pertandingan mIRC2025 untuk rujukan pihak Dato'/Dr/Tuan/Puan.

5. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi, Ts. Izwan Hadi Bin Zamhuri di talian **016-6653975** atau emel ke **izwan@elvirasys.com**

Segala kerjasama daripada pihak Dato'/Dr/Tuan/Puan amat kami hargai

Yang Benar,



.....
(Ts. IZWAN HADI BIN ZAMHURI)

Ketua Pegawai Operasi,
Elvira Systems Sdn Bhd



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002

Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790

Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Tuan: 14032025/mIRC2025/KEB
Ruj. Kami: KPM.600-12/1/4 Jld.63(27)
Tarikh : 24 Mac 2025

Ts. Izwan Hadi bin Zamhuri
Ketua Pegawai Operasi
Elvira Systems Sdn. Bhd.
2-2A, Blok A, Jalan GC1
63200 Selangor

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN *MICRO:BIT INNOVATION AND ROBOTIC COMPETITION* SECARA DALAM TALIAN DAN BERSEMUKA TAHUN 2025 ANJURAN ELVIRA SYSTEMS SDN. BHD.

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak KPM mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negara ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak KPM mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** bagi penganjuran pertandingan ***Micro:Bit Innovation and Robotic Competition secara dalam talian dan bersemuka Tahun 2025*** pada **1 Mei hingga 30 November 2025**. Walau bagaimanapun, pihak KPM ingin menarik perhatian tuan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi:

- 3.1 Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 7/1988: Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan atau Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Induk Sukan;
- 3.2 SPI Bilangan 8/1995: Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Bukan Induk;
- 3.3 SPI. Bil.8/2009: Langkah-Langkah Keselamatan Semasa Mengikuti Aktiviti/Program Lawatan Di Luar Waktu Persekolahan;

...2/-

- 3.4 Bil.5/2018: Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia;
- 3.5 SPI Bil.9/2023: Garis Panduan Lawatan Murid Sekolah Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2023;
- 3.6 Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010: Garis Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar dan;
- 3.7 Surat Siaran KPM Bil. 9 Tahun 2024: Pelaksanaan Surat Akuan Ibu Bapa/Penjaga Untuk Kebenaran Rakaman Gambar/ Video/ Audio Murid Serta Memuat Naik Ke Laman Media Sosial Bagi Program Anjuran Institusi Pendidikan Bawah KPM.

4. Selaras itu, perkara yang perlu dipatuhi oleh penganjur dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:

- 4.1 Pihak penganjur hendaklah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Pendidikan Negeri setelah mendapat maklum balas dari KPM dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh pelaksanaan program;
- 4.2 semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 4.3 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga;
- 4.4 surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 4.5 penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/program/aktiviti sekolah;
- 4.6 pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 4.7 pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;

- 4.8 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat (merujuk SPI Bil.5/2018);
- 4.9 pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar;**
- 4.10 pihak penganjur perlu mengemukakan **draf poster/gegantung/hebahan digital/sijil** untuk semakan BSKK sebelum diedarkan;
- 4.11 penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat selepas mendapatkan maklum balas/surat sokongan permohonan penganjuran program ini.** Syarat permohonan adalah seperti dalam **Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (<https://www.moe.gov.my/muat-turun/multimedia/logo>);**
- 4.12 pihak penganjur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni, pembinaan karakter murid dan perpaduan diterapkan dalam pelaksanaan program;
- 4.13 bagi **tujuan pengiktirafan** program, pihak penganjur perlu mengemukakan **permohonan rasmi berserta satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti di Lampiran A)** kepada **Pengarah BSKK, KPM tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program;**
- 4.14 pihak penganjur adalah dimohon untuk mengemukakan **Surat Setuju Terima (seperti di Lampiran B)** kepada pihak BSKK dalam tempoh **14 hari** selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program; dan
- 4.15 KPM berhak menarik balik surat penganjuran program ini sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberikan kesan kepada permohonan agensi pada masa akan datang.

KPM.600-12/1/4 Jld.63(27)

5. Maklum balas penganjuran program ini hanya untuk **Elvira Systems Sdn. Bhd.** yang akan menganjurkan pertandingan ***Micro:Bit Innovation and Robotic Competition*** secara dalam talian dan bersemuka Tahun 2025 pada **1 Mei hingga 30 November 2025 sahaja**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada Pengarah BSKK, KPM.

6. Pegawai yang boleh dihubungi berkaitan perkara ini adalah **Dr. Azurawati binti Wok Zaki** melalui talian telefon **03-88841090** atau e-mel **azurawati.wzaki@moe.gov.my**.

Perhatian dan kerjasama pihak tuan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ITHNIN BIN MAHADI)

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.: Pengarah Bahagian Sekolah Harian

AWZ/SuratPenganjuranProgramAgensi/2025MyDoc

LAPORAN
(NAMA AKTIVITI / PROGRAM)

- 1.0 Nama Program/Aktiviti:
 2.0 Tarikh Pelaksanaan:
 3.0 Mod Pelaksanaan:
 4.0 Penyertaan (jantina/bangsa):

BI L	KOD SEKOLAH	SEKOLAH	DAERAH / NEGERI / NEGARA	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
				L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MURID	GURU
1											
2											
3											
4											
5											
6											
7											
JUMLAH											

- 5.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti:
 6.0 Peruntukan / Perbelanjaan yang Diturunkan: (***)*Jika berkaitan*)
 7.0 Tetamu Kehormat (VIP): (***)*Jika berkaitan*)
 8.0 Pemenang: (***)*Jika berkaitan*)

KATEGORI PERTANDINGAN					
Kedudukan	Nama murid	Id murid	Sekolah	Kod Sekolah	JPN
Pertama					
Kedua					
Ketiga					
Keempat					
Kelima					

- 9.0 Isu dan cabaran:
 10.0 Cadangan penambahbaikan:
 11.0 Gambar:

Disediakan Oleh:

Tarikh

Rujukan Tuan:

Rujukan Kami:

Tarikh:

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

Kementerian Pendidikan Malaysia

Aras 1,2 & 7, Blok 13

Kompleks Kerajaan Parcel E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 PUTRAJAYA**(u.p: Unit Kelab dan Persatuan)**

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

SURAT SETUJU TERIMA KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM
ANJURAN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) bernombor rujukan: _____ bertarikh _____ adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pihak _____ **mengesahkan persetujuan** untuk melaksanakan/menaja program yang dimohon berdasarkan terma dan syarat pelaksanaan/tajaan program/aktiviti kokurikulum seperti yang dinyatakan pada para 3.1 hingga 4.12 dalam surat Maklum Balas Penganjuran Program dan Penglibatan Murid dalam _____ pada _____.

3. Pihak _____ akan mengemukakan **satu salinan laporan program** yang dijalankan kepada BSCK **tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program** bagi tujuan pengiktirafan program.

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak YBrs. Dr. boleh menghubungi _____ di talian _____ atau emel _____

Perhatian dan kerjasama YBrs. Dr./Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai

Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,

.....

(Nama)

Jawatan

KERTAS KERJA CADANGAN
micro:bit INNOVATION AND ROBOTICS COMPETITION 2025
(mIRC2025)
PERINGKAT KEBANGSAAN
KATEGORI SEKOLAH RENDAH DAN SEKOLAH MENENGAH

TEMPAT

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ANJURAN BERSAMA

ELVIRA SYSTEMS SDN BHD

PENGLIHATAN@UKM, UKM

CRYSTAL FAKULTI KEJURUTERAAN BINA, UKM

SK SUNGAI KANTAN

DENGAN SOKONGAN

MALAYSIA DIGITAL ECONOMY CORPORATION (MDEC)

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

1.0 TUJUAN

Pertandingan ini adalah merupakan pertandingan menggunakan perkakasan micro:bit yang akan dilaksanakan secara dalam talian dan bersemuka di universiti kebangsaan malaysia (Peringkat Saringan - di dalam talian, Peringkat Akhir – Bersemuka). Pertandingan ini, yang lebih dikenali sebagai microbit Innovation and Robotic Competition (miIRC2025) yang dianjurkan pada setiap tahun di negara ini sejak tahun 2018.

Pertandingan ini juga bertujuan meningkatkan pandangan positif dari masyarakat terutamanya pelajar agar lebih berkeyakinan dalam memilih bidang STEM sebagai bidang pilihan pengajian di peringkat IPT dan sebagai kerjaya mereka.

Di samping itu, pertandingan ini dapat memupuk dan melahirkan modal insan yang berinovatif dan kreatif melalui kemahiran berkaitan bidang rekapipta digital, kejuruteraan automasi dan robotik, dan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di kalangan pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah.

2.0 PENGENALAN

2.1 PENDIDIKAN STEM

Pendidikan Sains dan Teknologi adalah merupakan keutamaan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Sehubungan itu, Pelan Tindakan Pendidikan Malaysia Malaysia yang dilancarkan pada 2011 telah mengenalpasti bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) sebagai salah satu bidang yang akan diberi keutamaan. Bidang STEM menyediakan platform bagi pelajar-pelajar untuk menganalisa maklumat berdasarkan pengalaman pembelajaran tidak langsung pelajar-pelajar yang dikenali sebagai pembelajaran kontekstual.

2.2 micro:bit

micro:bit adalah satu sistem yang terdiri daripada perkakasan komputer kecil yang direkapipta untuk melibatkan pelajar secara aktif di dalam bidang pengaturcaraan, pengkomputeran dan rekapipta digital. micro:bit berasal dari inisiatif British Broadcasting Corporation (BBC), dengan kerjasama berberapa syarikat teknologi tinggi global seperti Microsoft, Samsung dan ARM. Inisiatif ini adalah merupakan solusi mereka kepada masalah kekurangan minat di dalam bidang STEM di United Kingdom.

micro:bit telah dilancarkan secara rasminya oleh Microbit Foundation pada tahun 2016. Sejurus selepas pelancaran tersebut, sebanyak **1,000,000** unit micro:bit telah diedarkan kepada pelajar tahun 7 di UK (berumur 11-12 tahun) untuk digunakan di dalam pembelajaran komputer dan pengaturcaraan.

Microbit juga telah diperkenalkan pada peringkat sekolah rendah Tahap Dua di seluruh negara melalui mata pelajaran Reka Bentuk & Teknologi yang terkini, iaitu KSSR Semakan 2017 RBT Tahun 5 & RBT Tahun 6.

2.3 ELVIRA SYSTEMS SDN BHD

Di Malaysia, Elvira Systems Sdn Bhd adalah organisasi pertama yang memperkenalkan micro:bit di negara ini pada tahun 2016 dan merupakan satu-satunya syarikat penyedia latihan rasmi dan pembekal rasmi yang paling awal tersenarai di dalam laman sesawang Microbit Foundation.

3.0 IMPAK MICRO:BIT

Dalam tahun pertama selepas pelancaran micro:bit di UK, micro:bit telah berjaya mengubah tanggapan para pelajar dan guru terhadap bidang pengkomputeran dan ICT. Hasil tinjauan terhadap pelajar-pelajar perintis di UK yang menerima micro:bit pada tahun 2016 menyatakan :

- 90% pelajar setuju micro:bit telah membuktikan semua pelajar boleh membuat pengaturcaraan.
- 88% pelajar setuju micro:bit telah mengubah persepsi mereka bahawa pengaturcaraan bukanlah sesusah yang disangka.
- 45% pelajar menyatakan mereka akan mendalami bidang ICT/Sains Komputer berbanding cuma 36% sebelum ini.
- Peningkatan sebanyak 70% di kalangan pelajar perempuan yang menyatakan mereka akan mendalami bidang ICT/Sains Komputer setelah menggunakan micro:bit.



Manakala hasil tinjauan di kalangan para guru menyatakan :

- 75% guru telah atau bercadang untuk menggunakan micro:bit dalam tahun pertama.
- 85% guru bersetuju micro:bit menjadikan subjek ICT / Sains Komputer lebih menarik kepada pelajar.
- 80% guru bersetuju micro:bit membantu menukar persepsi pelajar bahawa pengaturcaraan tidaklah sesukar yang disangka.
- 50% guru yang telah menggunakan micro:bit menyatakan mereka lebih yakin sebagai guru, terutamanya yang tidak yakin dapat mengajar subjek pengkomputeran.

Sumber:

- *Discovery Research – Telephone (CATI) survey conducted Feb-March 2017, among a representative sample of 300 x UK secondary school ICT/Computer Science/Computing teachers*
- *Discovery Research – online survey conducted July 2016, among a representative sample of 405 x UK Year 7 students*



3.1 micro:bit DI PERINGKAT GLOBAL

Sejak pelancaran di UK pada tahun 2016, semakin banyak negara turut serta di dalam inisiatif micro:bit ini. Sehingga awal tahun 2025, jutaan pengguna microbit dari 38 buah negara telah turut sama menggerakkan inisiatif micro:bit ini.

4.0 OBJEKTIF PERTANDINGAN

Objektif penganjuran pertandingan mIRC2025 peringkat Kebangsaan adalah untuk:

- Meningkatkan kemahiran serta menggalakkan daya kreativiti dan inovasi di kalangan pelajar menggunakan konsep 'Digital Makers'.
- Mendedahkan pelajar-pelajar kepada kemahiran pengaturcaraan.

5.0 STRUKTUR PERTANDINGAN

Pertandingan ini akan bermula dengan beberapa siri bengkel Road to mIRC yang akan dijalankan sepanjang tempoh pertandingan. Anjuran bengkel ini merupakan medium bagi mendedahkan pelajar-pelajar kepada kemahiran pengaturcaraan sepanjang pertandingan berlangsung. Struktur pertandingan mIRC2025 peringkat kebangsaan terdiri dalam dua kategori iaitu Inovasi dan Robotik seperti berikut :

5.1 SYARAT AM PENYERTAAN

- Pertandingan ini terbuka kepada semua pelajar sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah swasta, sekolah antarabangsa, Maktab Rendah Sains Mara dan Kolej Vokasional seluruh negara.
- Penyertaan hendaklah melalui pihak sekolah masing-masing.
- Peserta perlu menggunakan mikropengawal **micro:bit sahaja** sebagai mikropengawal. Mikropengawal lain seperti arduino tidak dibenarkan.
- Peserta boleh menggunakan aksesori tambahan di dalam projek masing-masing.
- Peserta juga perlu menggunakan **Isobot Robotik Kit** atau **sekurang-kurangnya chasis robot** adalah menggunakan **chasis robot isobot** dalam kategori Robotik.

- Peserta boleh menggunakan platform **makecode** atau **python** untuk menulis pengaturcaraan.
- Penganjur berhak untuk **menggugurkan kategori** yang di pertandingan jika pasukan yang mendaftar **kurang daripada 10 pasukan bagi setiap kategori**.
- Pasukan yang tidak menghantar video dan kod pada tarikh akhir penghantaran projek atau robotik akan hilang kelayakan untuk bertanding dan tidak akan mendapat sijil penyertaan dan yuran tidak akan dikembalikan.

5.2 BAHAGIAN INOVASI

5.2.1 Tema Pertandingan Inovasi mlRC2025

INOVASI DENGAN MENGGUNAKAN PLATFORM MICROBIT BAGI MENINGKATKAN TARAF KUALITI HIDUP.

5.2.2 Tarikh dan Tempat Pertandingan

- Tempoh bagi tarikh pelaksanaan bengkel dan pertandingan mlRC2025 adalah pada **1 Mei 2025 – 30 November 2025**.
- Pertandingan ini akan dilaksanakan secara **hibrid**.
- **Saringan Awal** adalah melalui dalam talian.
- **Peringkat Akhir** secara bersemuka bertempat di **Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor**.

5.2.3 Format Pertandingan


- Pertandingan ini ada secara **berkumpulan**.
 - **Jumlah pelajar dan guru bagi setiap kumpulan:**
 - **1 pelajar (minimum) - 3 Pelajar (maksimum),**
 - **1 Guru Pembimbing/mentor**
- Pendaftaran hendaklah dilakukan melalui sekolah peserta masing-masing.
- Tiada had bagi setiap kategori dari setiap sekolah.
- Untuk pusingan awal, setiap kumpulan hendaklah menyediakan video pendek berdurasi **maksimum 5 minit** untuk menerangkan projek dan demonstrasi fungsi projek inovasi yang dihasilkan.
- Hanya **mikropengawal micro:bit** sahaja yang dibenarkan.
- Mikropengawal selain daripada micro:bit tidak dibenarkan.
- Sebarang aksesori tambahan adalah dibenarkan.
- Peserta boleh menggunakan platform pengaturcaraan makecode, python atau apa-apa platform yang dirasakan sesuai untuk memprogramkan mikropengawal micro:bit.
- Setiap kumpulan perlu **menyerahkan video dan kod dalam bentuk link** yang dihasilkan secara dalam talian pada tarikh yang akan dimaklumkan.
- Medium bahasa bagi penghantaran video adalah **Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sahaja**.
- **Projek yang terbaik** akan dipilih bagi setiap kategori untuk bertanding ke **peringkat akhir**. (Segala kos perjalanan, makan minum dan penginapan peserta akan di tanggung oleh pihak peserta sendiri)

- Di peringkat akhir ini. Setiap kumpulan akan diberikan masa selama **15 minit** untuk **membentangkan projek** dan **sesi soal jawab** bersama juri secara bersemuka.
- Pihak penganjur akan menjemput panel juri dari bidang industri dan akademik yang akan menghakimi projek tersebut mengikut kriteria yang telah ditetapkan. **Segala keputusan juri adalah muktamad.**

5.2.4 Kategori Peserta

Peserta pertandingan akan di bahagikan kepada 2 kategori, iaitu

- Sekolah Rendah Tahap Dua, Sekolah Swasta, Sekolah Antarabangsa
(10 tahun – 12 tahun)
- Sekolah Menengah, Sekolah Swasta, Sekolah Antarabangsa, Maktab Rendah Sains Mara
(13 tahun – 18 tahun)



5.2.5 Yuran Penyertaan

- **Yuran adalah percuma**

5.2.6 Pembelian Kit

- Pembelian micro:bit kit boleh dilakukan di laman sesawang https://shopee.com.my/elvira_systems
- Cadangan micro:bit kit asas yg diperlukan:
 - *Elvira microbit start kit with microbit*
 - *Elvira microbit start kit without microbit*



5.3 BAHAGIAN ROBOTIK

5.3.1 Tema Pertandingan Robotik


SOCCKER ISOBOT

5.3.2 Tarikh dan Tempat Pertandingan

- Tarikh pelaksanaan bengkel dan pertandingan mIRC2025 adalah pada **1 Mei 2025 – 30 November 2025**.
- Pertandingan robotik ini akan dilaksanakan secara **bersemuka**.
- Pertandingan Soccer Isobot dilakukan secara **liga dan kalah mati**.
- **Pertandingan ini berlangsung secara bersemuka dan bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.**

5.3.3 Format Pertandingan

- Pertandingan ini ada secara **berkumpulan**.
 - **Jumlah pelajar dan guru bagi setiap kumpulan:**
 - **2 pelajar (minimum) – 3 Pelajar (maksimum),**
 - **1 Guru Pembimbing/mentor**
- Pendaftaran hendaklah dilakukan melalui sekolah peserta masing-masing.
- Tiada had bagi setiap kategori dari setiap sekolah.
- Pertandingan dilakukan secara bersemuka secara **liga dan kalah mati**.
- Hanya **mikropengawal micro:bit, kit robot isobot dan chasis isobot standard** sahaja yang dibenarkan.
- **Saiz robot maksimum adalah 20cm X 20cm.**
- **Maksimum voltan bateri adalah = 5V.**
- Sebarang aksesori tambahan adalah dibenarkan.
- Peserta boleh menggunakan platform pengaturcaraan **Makecode, Python, Javascript, Scratch, mBlock** atau apa-apa platform yang dirasakan sesuai untuk memprogramkan mikropengawal micro:bit.
- Setiap kumpulan perlu **bertanding secara bersemuka dalam perlawanan liga dan kalah mati (Soccer Isobot)** yang dipertandingkan pada tarikh yang akan dimaklumkan.
- **Segala keputusan juri adalah muktamad.**
- Bagi **Soccer Isobot**, semasa pertandingan dijalankan, setiap kumpulan akan bertempur menjanginkan gol pihak lawan. Kumpulan yang menjanginkan gol terbanyak akan dikira sebagai pemenang.



8 x 5 kaki (Anggaran)

Gambar rajah Litar Pertandingan (Soccer Isobot)

5.3.4 Kategori Peserta

Peserta pertandingan akan di bahagikan kepada dua kategori, iaitu

- Sekolah Rendah Tahap Dua, Sekolah Swasta, Sekolah Antarabangsa (10 tahun – 12 tahun)
- Sekolah Menengah Rendah, Sekolah Swasta, Sekolah Antarabangsa, Maktab Rendah Sains Mara (13 tahun – 18 tahun)




5.3.5 Yuran Penyertaan

- Yuran penyertaan bagi setiap kumpulan adalah percuma

5.3.6 Pembelian Kit

- Peserta wajib menggunakan Isobot Kit .
- Pembelian micro:bit kit boleh dilakukan di laman sesawang;
https://shopee.com.my/elvira_systems
- Cadangan Isobot kit yang diperlukan:
 - *Elvira Isobot kit with microbit*
 - *Elvira Isobot kit without microbit*



6.0 SIJIL dan HADIAH

- Sijil elektronik penyertaan akan diberikan kepada setiap pelajar yang mendaftar dan memenuhi syarat (perlu menghantar video dan kod).
- **INOVASI** : Sijil elektronik tahap penguasaan akan diberikan jika memenuhi syarat dengan jumlah markah seperti di bawah:

Penguasaan	Markah
Emas	85 - 100
Perak	70 - 84
Gangsa	55 - 69

- **ROBOTIK** : Sijil elektronik tahap penguasaan akan diberikan jika memenuhi syarat dengan jumlah markah seperti di bawah:

Penguasaan	Markah
Emas	85 - 100
Perak	70 - 84
Gangsa	55 - 69

- Sijil elektronik pencapaian dan hadiah akan diberikan untuk setiap kategori seperti senarai di bawah:

Hadiah Inovasi:

- Tempat pertama, kedua, ketiga, keempat dan kelima sahaja diberikan sebuah piala.

Hadiah Robotik:

- Tempat pertama, kedua, ketiga, keempat dan kelima sahaja diberikan sebuah piala.


Disediakan oleh
(IZWAN HADI BIN ZAMHURI)

Ketua Pegawai Operasi

Elvira Systems Sdn Bhd

LAMPIRAN A

micro:bit Innovation and Robotic Competition 2024 (Peringkat Kebangsaan)



Road To mIRC2024



LAMPIRAN B

Contoh rubrik pemarkahan

MIRC COMPETITION 2021 INNOVATION CHALLENGE FOR STUDENTS RUBRIC Secondary School Category					
Criteria	Unsatisfactory (0-3)	Average (4-6)	Good (7-8)	Exceptional (9-10)	Points Earned
1) ORIGINALITY, NOVELTY AND WOW FACTOR -Originality and Novelty The design should have a good concept, originality and novelty in order to solve the highlighted problem. -Wow Factor Creativity, originality, inventiveness, inspiration, ingenuity, freshness and vision - Usefulness Based on the chosen Global Goals theme, the deliverables provide solution to the problems and offer substantial benefits.	Little effort has been spent on brainstorming and refining a concept, originality and novelty. Unclear on the goals and how the project objectives will be met.	Has brainstormed their concept, originality and novelty, but no clear focus has emerged. Goals/final product not clearly defined.	Has a fairly clear picture on the objectives; including the concept, originality and novelty. Able to describe what they are trying to achieve overall but has trouble describing the project's contribution.	Has a very clear picture on the objectives; including the concept, originality and novelty. Excellent in describing what they are trying to achieve overall and able to describe the project's contribution.	
	Content does not present a clearly stated theme, is vague, and appears as a disconnected series of scenes with no unifying main idea. Much of the supporting information is irrelevant to the overall concept. No wow factor	Content lacks a central theme, clear point of view and logical sequence of information. Some of the supporting information does not seem to fit the project's main idea. Has a limited wow factor	Information is presented as a connected theme with accurate, current supporting information that contributes to understanding the project's main idea. Good wow factor	The content includes a clear statement of purpose or theme and is creative, compelling and clearly presented. A rich variety of supporting information contributes to the understanding of the project's main idea. Excellent wow factor.	
	The deliverables do not solve the described problems and offer poor benefits	The deliverables provide poor solution to the described problems and offer minimal benefits	The deliverables provide satisfactory solution to the described problems and offer adequate benefits	The deliverables provide clear solution to the described problems and offer significant benefits	

MIRC COMPETITION 2021 INNOVATION CHALLENGE FOR STUDENTS RUBRIC Secondary School Category					
2) PRESENTATION - Well organized and Confidence - Supporting Elements - Demonstration	The presentation lacked organization and had little evidence of preparation. Presenter has no confidence.	There were minimal signs of organization or preparation. Presenter lacks of confidence.	The presentation had organizing ideas but could have been much stronger with better preparation. Presenter's confidence level occasionally gone wobbly/unstable/shaky.	The presentation was well organized, well prepared and easy to follow. Presenter is full of confidence.	
	'Chalk and talk ' only.	Use minimal visual aid to help with product explanation/function	Use adequate visual aid to help with product explanation/function	Use attractive visual aid to help with product explanation/function	
	Unsuccessful demonstration.	Poor demonstration.	Good demonstration.	Successful demonstration.	
3) PROTOTYPE - Execution Completion of the prototype - Quality of the Prototype Prototype is in good quality, fun, awesome and critical thinking is reflected in the prototype	Prototype is less than 40% working in all of its function.	Prototype is at least 40% working in all of its function.	Prototype is at least 70% working in all of its function.	Prototype is at least 90% working in all of its function.	
	Finished prototype is so poorly constructed that it is not suitable for design verification and not attractive.	Finished prototype is unacceptable quality, shows minimal attention to detail and fairly attractive.	Finished prototype is in good quality, shows some attention to detail and attractive.	Finished prototype is in excellent quality, very attractive and shows attention to detail and fully functional.	
				TOTAL	100